

07 JUN 1999
Singapura-Air
TIDAK BENAR SINGAPURA MEMINTA AIR BERLEBIHAN

SINGAPURA, 7 Jun (Bernama) -- Singapura menolak kenyataan bahawa ia meminta bekalan air berlebihan di bawah cadangan baru perbekalan air dari Malaysia.

"Permintaan bagi air sebanyak 750 juta gelen sehari (mgd) adalah berdasarkan kepada unjuran pertumbuhan penduduk kita dan keperluan ekonomi serta penggunaan air perkapita pada tahun 2061," kata jurucakap Kementerian Luar dalam satu kenyataan di sini, malam ini.

Jurucakap itu berkata, permintaan itu boleh dibandingkan dengan penggunaan perkapita masa kini di kebanyakan bandaraya utama seperti Taipei dan Bangkok.

Kenyataan itu merujuk kepada laporan akhbar The Star di Malaysia pada Sabtu lepas yang melaporkan Malaysia telah meminta Singapura untuk mencari bekalan air masa depannya di tempat lain.

Jurucakap itu berkata Singapura "terkejut yang pegawai-pegawai Malaysia telah memilih untuk membocorkan butir-butir rundingan sulit yang masih berjalan kepada media Malaysia di luar konteks."

"Malaysia ialah yang mahu perbincangan dijalankan secara sulit. Mereka nampaknya telah mengubah fikiran," katanya.

Satu perjanjian baru bagi perbekalan air merupakan antara isu dua hala yang perlu diselesaikan secara pakej antara kedua-dua negara. Pegawai-pegawai kanan kedua-dua negara telah bertemu tiga kali sehingga ini dengan pertemuan terakhir pada 28 Mei lepas.

Malaysia buat masa ini membekalkan 350 juta mgd air mentah pada harga tiga sen setiap seribu gelen kepada Singapura dari Johor di bawah dua perjanjian air yang masing-masing akan tamat pada tahun 2011 dan 2061.

Dilaporkan Singapura telah meminta bekalan air ditambah dua kali ganda di bawah perjanjian 100 tahun baru yang akan berakhir pada 2061. Pegawai-pegawai Singapura dikatakan masih berkeras yang sebuah lagi negeri iaitu Pahang, boleh memenuhi permintaan mereka bagi 350 lagi mgd air mentah dan 400 mgd air yang telah dirawat.

Jurucakap itu berkata, jika rundingan itu tidak berjaya, ia adalah kerana "pegawai Malaysia itu tidak mengendahkan perjanjian yang dicapai antara Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Goh Chok Tong tahun lepas.

"Di sebaliknya, mereka mahu rundingan itu dimulakan dari peringkat awal dan membuat pelbagai tuntutan," katanya.

Beliau berkata, Singapura telah mengambil pendekatan menawarkan "manfaat maksimum bagi kedua-dua pihak" dengan cuba menampung permintaan baru daripada Malaysia mengenai isu-isu seperti tanah keretapi milik Malaysia dan Singapura dan caruman pekerja-pekerja Malaysia dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF).

Jurucakap itu menolak dakwaan yang Singapura mendapat keuntungan dengan menjual air yang dirawat kepada Johor, dengan berkata ia menelan belanja RM2.40 untuk merawat setiap seribu gelen air yang dijual kepada Johor pada harga 50 sen setiap seribu gelan.

Johor di sebaliknya menjual air pada harga RM3.95 per-seribu gelen menurut kenyataan itu.

Beliau berkata, di bawah perjanjian air yang sedia ada Singapura hanya perlu menjual 15 mgd kepada Johor and negeri itu tidak terikat untuk membeli air daripada negara pulau itu.

Antara 1993 dan 1997, Johor membeli purata 37 mgd air yang dirawat

daripada Singapura.

Jurucakap itu berkata Singapura akan terus mengambil pendekatan konstruktif dan pusingan rundingan berikutnya di Malaysia akan diadakan bulan ini atau Ogos.

-- BERNAMA

TCL PR